



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS DRAMA MANA SIKANA
DARI PERSPEKTIF TEORI
NEW HISTORISISME**

SAMIN BIN RABANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU)**

**INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun





ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis tiga buah drama beraliran metasejarah yang terkandung dalam buku kumpulan drama *Pasir-pasir di Pasir Salak* karya Mana Sikana (2011) iaitu “Di Hujung Taming Sari”, “Pasir-pasir di Pasir Salak” dan “Air Mata Naning”. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri metasejarah dalam drama tersebut; menganalisis nilai-nilai sejarah yang terkandung dalam drama berkenaan dan menilai sumbangan drama aliran tersebut kepada masyarakat. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks bersandarkan prinsip-prinsip teori New Historisisme. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga drama kajian adalah dihasilkan berlatarbelakangkan peristiwa sejarah silam yang berlaku di negara ini, mempunyai lima ciri iaitu peristiwa tidak mengikut kronologi sejarah; terdapat pelanggaran fakta sejarah; penggunaan watak rekaan di samping watak sebenar; penampilan watak tidak mengikut sistem tekstual sejarah; dan terdapat selingan acara-acara hiburan serta komedi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga drama tersebut menampilkan enam nilai sejarah yang digarap bagi membentuk perkembangan cerita. Nilai-nilai tersebut ialah kekuasaan, penjajahan, perjuangan menentang penjajah, perhambaan dan sistem pungutan cukai. Seterusnya hasil kajian juga mendapati bahawa kemunculan drama metasejarah dapat memberikan empat sumbangan yang positif kepada masyarakat khususnya dalam bidang kesusasteraan iaitu melahirkan aliran baharu dalam drama; menonjolkan isu-isu semasa secara tersirat; menggalakkan pemikiran pembaca dan menimbulkan minat terhadap sastera berunsur sejarah. Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai ketiga-tiga objektif kajian sebagaimana dinyatakan di atas. Di samping itu kajian ini juga dapat membuktikan bahawa drama yang dikaji adalah karya kesusasteraan beraliran baharu iaitu aliran metasejarah yang telah dihasilkan dengan gaya persembahan yang baharu yang mempunyai banyak kelainan dan perubahan yang berbeza dengan drama aliran yang terdahulu. Dengan itu drama aliran ini wajar diperkenalkan dan dikembangkan kepada seluruh anggota masyarakat khususnya generasi muda.







ANALYSIS OF MANA SIKANA'S DRAMA FROM THE PERSPECTIVE OF THE NEW HISTORICISM THEORY

ABSTRACT

This research was conducted to analyze the three Mana Sikana's (2011) metahistoriographic dramas which are available in his *Pasir-pasir di Pasir Salak* book of drama collection, namely "*Di Hujung Taming Sari*", "*Pasir-pasir di Pasir Salak*" and "*Air Mata Naning*". The objectives of the research were to identify the metahistoriographic characteristics in the drama; to analyze the historical values that available in the drama and to evaluate the contribution of those metahistoriographic related drama to the community. The research was conducted using the literature method and text content analysis based on the principles of New Historicism theory. The results showed that all three plays were produced based on past events that occurred in this country, with five characteristics namely non-chronological history events; there were also some collision of historical facts; use of fictitious characters in addition to the real character; the appearance of the character which not according to the textual historical system; and there were also some interludes of entertainment events as well as comedy. The results also showed that all three dramas featured six historical values which were arrayed for the development of the story. The values are namely power, colonialism, the struggle against colonialism, slavery and the tax collection system. Next, the research also found that the emergence of metahistoriographic drama can provide four positive contributions to society, particularly in the field of literature, which produce new trends in drama; highlighting implied current issues; encouraging readers thought and boost one interest in historical literature. In conclusion it can be stated that this research has achieved all its three objectives. In addition, this research also proves that the researched dramas are those from a new genre of literature; metahistoriographic which has been generated by the new showmanship with different variations and changes to the drama in the past. Therefore, this genre should fairly be introduced and developed to all the members of society, especially the younger generation.






KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian:	2
	1.2.1 Kemunculan Drama Tradisional	2
	1.2.2 Kemunculan Drama Moden	10
	1.2.3 Kemunculan Drama Metasejarah	17
	1.3 Pernyataan Masalah	19
	1.4 Kepentingan Kajian	21
	1.5 Objektif Kajian	22
	1.6 Persoalan Kajian	22



	1.7	Batasan Kajian	23
05-4506832	1.8	Definisi Konsep:	23
	1.8.1	Drama	23
	1.8.2	Analisis	24
	1.8.3	Perspektif	25
	1.8.4	New Historisisme	26
BAB 2		TINJAUAN LITERATUR	28
	2.1	Pengenalan	28
	2.2	Kajian-kajian Terdahulu	29
	2.3	Kesimpulan	48
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN	50
	3.1	Pendahuluan	50
	3.2	Reka Bentuk Kajian	51
	3.3	Kerangka Kajian	52
	3.4	Kaedah Kajian:	53
	3.4.1	Kaedah Kepustakaan	53
	3.4.2	Kaedah Analisis Teks	54
	3.5	Teori Kajian:	54
	3.5.1	Konsep Teori New Historisisme	55
	3.5.2	Sejarah Kemunculan Teori New Historisisme	57
	3.5.3	Pendukung Teori New Historisisme	63
	3.5.4	Prinsip-prinsip Teori New Historisisme	65
	3.5.4.1	Permaknaan Baharu dalam Teks Sejarah	65

	3.5.4.2	Penonjolan Nilai Sejarah dalam Teks	66
	3.5.4.3	Sumbangan Karya kepada Masyarakat	68
	3.6	Kerangka Teori	69
	3.7	Kesimpulan	70
BAB 4		DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	71
	4.1	Pengenalan	71
	4.2	Ciri-ciri Drama Metasejarah	71
	4.2.1	Peristiwa Tidak Mementingkan Kronologi Sejarah	72
	4.2.2	Pelanggaran Fakta Sejarah	78
	4.2.3	Penampilan Watak Tidak Mengikut Sistem Tekstual Sejarah	96
	4.2.4	Watak Rekaan	114
	4.2.5	Selingan Acara Hiburan dan Unsur Komedi	126
	4.3	Penonjolan Nilai Sejarah dalam Teks Sastera	133
	4.3.1	Kekuasaan	135
	4.3.2	Penjajahan	144
	4.3.3	Perjuangan Menentang Penjajah	150
	4.3.4	Patriotisme dan Nasionalisme	158
	4.3.5	Perhambaan	164
	4.3.6	Sistem Pungutan Cukai	168
	4.4	Sumbangan Drama Metasejarah kepada Masyarakat:	173
	4.4.1	Melahirkan Aliran Baharu dalam Drama	174
	4.4.2	Menonjolkan Isu-isu Semasa Secara Tersirat	179
	4.4.3	Menggalakkan Pemikiran Pembaca	192

	4.4.4	Menimbulkan Minat terhadap Sastera Berunsur Sejarah	195
 05-4506832		 pustaka.upsi.edu.my	 PustakaTBainun
	4.5	Kesimpulan	196
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN		199
	5.1	Pengenalan	199
	5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	200
	5.2.1	“Di Hujung Taming Sari”	201
	5.2.1	“Pasir-pasir di Pasir Salak”	206
	5.2.3	“Air Mata Naning”	210
	5.3	Cadangan untuk Meningkatkan Perkembangan Drama Metasejarah:	213
	5.3.1	Mengadakan Sesi Promosi	213
 05-4506832		 pustaka.upsi.edu.my	 PustakaTBainun
	5.3.2	Menawarkan Kursus Drama di Institut Pengajian Tinggi	214
	5.3.3	Memperkenalkan Drama Metasejarah di Sekolah	215
	5.3.4	Memperbanyak Pementasan	216
	5.3.5	Menyebarkan Drama Metasejarah Melalui Media Massa	217
	5.4	Cadangan untuk Meningkatkan Penulisan Teks Drama Metasejarah:	218
	5.4.1	Mengadakan Kursus/Bengkel Penulisan	219
	5.4.2	Penulisan Skrip sebagai Tugas Pelajar	220
	5.4.3	Pertandingan Menulis Skrip	220
	5.5	Cadangan untuk Menjalankan Kajian Lanjutan	221
	5.6	Pandangan Pengkaji tentang Penulisan Teks Drama Metasejarah	222
 05-4506832		 pustaka.upsi.edu.my	 PustakaTBainun
	5.6.1	Pemilihan Sumber Peristiwa Sejarah	223

5.6.2	Pelanggaran Fakta Sejarah	224
5.6.3	Penerapan Isu Semasa	224
5.6.4	Penggunaan Bahasa yang Bermutu	225
5.6.5	Selingan Acara Hiburan dan Unsur Komedi	228
5.6.6	Penerapan Unsur Keislaman	228
5.7	Kesimpulan	230
RUJUKAN		231
LAMPIRAN I	Biodata Mana Sikana	238
LAMPIRAN II	Salinan Skrip Drama	247



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL**No. Jadual****Muka Surat**

4.1	Kadar Kemiskinan Mengikut Kaum di Malaysia pada Tahun 1970	186
4.2	Jumlah Pemilikan Syarikat-syarikat Berhad Mengikut Kaum pada Tahun 1970	186
4.3	Pembahagian Pekerjaan Mengikut Kaum pada Tahun 1970	186



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun





ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Hubung Kait antara Aspek-aspek Kajian dengan Sorotan Literatur	29
3.1	Kerangka Teori	52
3.2	Peringkat-peringkat Perubahan Nama Teori New Historisisme	58
3.3	Kerangka Teori	69
4.1	Ciri-ciri Drama Metasejarah	196
4.2	Penampilan Nilai-nilai Sejarah dalam Teks Sastera	197
4.3	Fungsi Drama Metasejarah	198
5.1	Rumusan Drama “Di Hujung Taming Sari”	206
5.2	Rumusan Drama “Pasir-pasir di Pasir Salak”	209
5.3	Rumusan Drama “Air Mata Naning”	212
5.4	Langkah-langkah untuk Meningkatkan Perkembangan Drama Metasejarah	218
5.5	Cadangan untuk Meningkatkan Penulisan Teks Drama Metasejarah	221
5.6	Aspek-aspek tentang Penghasilan Teks Drama Metasejarah	229





SENARAI SINGKATAN

AMANAH Parti Amanah Negara

BPK Bahagian Pembangunan Kurikulum

DAP *Democratic Action Party* (Parti Tindakan Demokratik)

DBP Dewan Bahasa dan Pustaka

DEB Dasar Ekonomi Baharu

dlm. dalam

etal *et al* (dan rakan-rakan)

Hlm. Halaman



IKATAN Parti Ikatan Bangsa Malaysia

KBSM Kurikulum Baharu Sekolah Menengah

KOMSAS Komponen Sastera

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

PAS Parti Islam Se-Malaysia

Peny. Penyunting


PH Pakatan Harapan

PKR Parti Keadilan Rakyat

PPK Pusat Perkembangan Kurikulum

UMNO *United Malays National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)

Vol. *Volume* (Jilid)



- A Biodata Mana Sikana
- B Salinan Skrip Drama
 - “Di Hujung Taming Sari”
 - “Pasir-pasir di Pasir Salak”
 - “Air Mata Naning”

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Drama merupakan salah satu genre sastra yang sangat popular dan terus berkembang dengan begitu pesat selaras dengan perkembangan sains dan teknologi. Drama juga dikenali sebagai teater yang berasal dari perkataan dalam bahasa Inggeris, *theater* yang bermaksud seni persembahan pentas. Menurut Mana Sikana (1989:4), walaupun pada peringkat awal kemunculannya, genre ini agak lambat berkembang dan ketinggalan jika dibandingkan dengan genre-genre sastra yang lain seperti novel, cerpen dan puisi namun sejak akhir abad ke-20 masyarakat dapat membaca teks-teks drama dengan mudah di samping dapat menyaksikan persembahan drama bila-bila masa terutama melalui media elektronik di samping di pentas-pentas teater. Dengan munculnya televisyen dan kemudiannya internet, orang ramai dapat menyaksikan

persembahan drama sama ada melalui siaran televisyen, ataupun video drama melalui internet pada bila-bila masa. Pada masa ini berbagai-bagai saluran televisyen sama ada dari dalam mahupun dari luar negara bahkan dengan kemudahan saluran *youtube* melalui internet seseorang itu bebas memilih untuk menonton persembahan drama pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan perkembangan genre drama tersebut, kajian akan dibuat tentang drama berwajah baharu iaitu beraliran metasejarah karya Mana Sikana. Drama yang berunsur sejarah ini adalah dianggap penting kerana drama merupakan gambaran kehidupan masyarakat yang berdasarkan fakta sejarah. Sebelum dikemukakan hasil kajian terlebih dahulu dihuraikan secara ringkas tentang sejarah perkembangan drama khususnya yang berlaku di Malaysia.

1.2.1 Kemunculan Drama Tradisional

Seperti di negara-negara lain, kemunculan drama di Malaysia mempunyai hubung kait dengan upacara keagamaan atau kepercayaan. Menurut Abdul Rahman Napiah (1987:52), zaman animisme di Malaysia telah melahirkan bentuk drama dan merupakan komponen yang melengkapi persembahan drama tradisional yang tumbuh kemudiannya. Masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme ini percaya

bahawa sesuatu kejadian atau benda-benda luar biasa mempunyai semangat atau makhluk-makhluk halus. Oleh itu untuk melindungi keselamatan mereka daripada gangguan makhluk-makhluk tersebut mereka perlu melakukan sesuatu upacara atau ritual. Dengan itu lahirlah aktiviti seperti “buang ancak”, “puja pantai”, “main puteri” dan sebagainya. Upacara itu disertai juga dengan bacaan mentera, jampi, serapah dan pemujaan.

Selanjutnya Abdul Rahman Napiah menyatakan bahawa proses perubahan itu memakan masa yang lama dan mengalami tokok tambah. Sedikit demi sedikit proses itu mengalami perubahan dari jampi serapah kepada bentuk nyanyian, tarian dan kemudiannya lahir konsep lakonan. Dengan itu muncullah konsep drama tradisional yang tebal dengan upacara ritual. Di samping itu, unsur-unsur seni atau budaya tersebut berbeza-beza antara satu masyarakat dengan yang lain, atau antara satu bangsa dengan yang lain. Menurut kajian Rahmah Bujang (1975:6-9), seni drama dunia adalah hasil perkembangan seni tari dan ada kaitan dengan keagamaan. Cara memuja Tuhan dengan membuat persembahan melalui tarian dan kelakuan sudah diketahui sejak zaman Firaun dan zaman kebesaran Mesir lagi.

Apabila agama Hindu tersebar ke Alam Melayu pada abad kelima, bidang kesusasteraan telah mengalami perubahan. Di samping itu perubahan dalam kegiatan drama terus berkembang walaupun masih bersifat tradisional. Kamaluddin Abdul Rahman (2007), menyatakan bahawa wayang kulit, makyung, menora, main puteri dan sebagainya merupakan teater tradisional yang amat dipengaruhi oleh unsur-unsur

Hindu. Persembahan-persembahan tersebut merupakan drama yang berbentuk tradisional.

Menurut Abdul Rahman Napiah (1987:56), apabila agama Islam berkembang ke Nusantara pada abad ke-14 drama Melayu mengalami perkembangan dan perubahan yang ketara terutama tradisi lisan berubah kepada tradisi tulisan. Islam yang membawa bersama al-Quran dan kitab-kitab telah memperkenalkan kemahiran tulisan dan bacaan. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa perkembangan pengetahuan telah membawa perkembangan kesusasteraan dengan hebat. Sastera telah menjadi landasan berdakwah. Keadaan ini diikuti dengan perubahan bentuk drama. Antaranya muncul wayang kulit, wayang gedek dan wayang wong. Seterusnya muncul makyung di Kelantan yang berasal dari Thailand, ulik mayang di Terengganu dan dabus di Perak.

Hasil kajian Rahmah Bujang (1975:18) mendapati bahawa asal-usul bangsawan di Malaysia adalah dari India pada dekad 1870-an. Rombongan persembahan yang dikenali dengan nama Wayang Farsi atau Mendu telah datang ke Pulau Pinang dan mengadakan persembahan. Bentuk persembahannya adalah kombinasi nyanyian, tarian dan lakonan. Pelakon-pelakonnya terdiri daripada kaum lelaki dan wanita dengan membawa cerita fantasi serta hiburan dan mendapat sambutan yang hebat. Kumpulan terawal ini dimiliki oleh seorang hartawan yang bernama Mohammad/Mamak Pusi yang kemudiannya menamakan kumpulannya dengan gelaran *Pusi Indera Bangsawan of Penang*. Kumpulan inilah yang mempopularkan bangsawan yang pada mulanya dikhaskan untuk golongan atasan

atau bangsawan selaras dengan maksud perkataan bangsawan iaitu orang atasan atau golongan manusia yang berketurunan raja-raja. Walau bagaimanapun kumpulan ini akhirnya lenyap apabila muncul kumpulan lain.

Selanjutnya Rahmah Bujang (1975:19) menyatakan bahawa pada mulanya kumpulan bangsawan ini menghadkan pengambilan pelakon hanya dalam kalangan orang bangsawan. Namun disebabkan tidak mendapat sambutan dan kesukaran mendapatkan pelakon tersebut akhirnya pengambilannya terbuka kepada orang kebanyakan. Kumpulan bangsawan seumpama ini terus mendapat sambutan hangat dan berkembang luas bukan sahaja di Pulau Pinang dan Semenanjung Tanah Melayu bahkan sampai ke Sumatera, Indonesia. Dari segi cerita, bangsawan lebih banyak memainkan cerita-cerita dongeng sama ada cerita tempatan atau yang berasal dari luar negara terutama dari India dan Timur Tengah. Cerita tersebut diulang-ulang apabila dipersembahkan di tempat-tempat lain. Antara cerita yang popular ialah “Gul Bakawali”, “Siti Zubaidah”, “Laila Majnun”, “Bustamam” dan lain-lain.

Said Halim Said Nong (1988:64) pula menyatakan bahawa bangsawan merupakan satu teater yang memperkenalkan penggunaan panggung dan pentas yang dilengkapi dengan tirai-tirai yang dilukiskan dengan pemandangan yang menjadi latar tempat sesuatu cerita yang dilakonkan. Tirai-tirai tersebut akan dipaparkan atau dibentangkan secara bertukar-tukar mengikut keperluan latar belakang sesebuah cerita. Sementara itu persembahan bangsawan bergantung pada pelakon-pelakon utama yang disebut sebagai ‘bintang’. Populariti sesebuah kumpulan bergantung pada kebolehan dan kepandaian ‘bintang-bintang’ yang diberi kebebasan untuk melakukan

apa sahaja gerak lakon yang dapat memikat penonton. Keadaan ini berlaku kerana cerita bangsawan tidak mempunyai skrip dan dalam banyak hal pelakon yang telah diberitahu jalan ceritanya oleh pengurus, akan menggunakan improvisasi. Ini bermakna pelakon perlu kreatif dan proaktif untuk mengucapkan dialog-dialog yang sesuai dengan jalan cerita.

Rahmah Bujang (1975:31) menjelaskan bahawa di Indonesia bangsawan dikenali sebagai 'stambol' sempena nama Istanbul, ibu kota Turki. Ini disebabkan salah seorang pengasas kumpulan ini yang bernama Jaafar bergelar *The Turk* sangat menggemari tema-tema cerita dari Timur Tengah termasuk Turki. Tambahan pula Turki merupakan simbol kebesaran Islam selain dari merupakan negara Islam yang kaya dengan khayalan dan percintaan. Sementara itu di Indonesia secara keseluruhan bangsawan dikenali juga sebagai sandiwara.

Menurut Abdul Rahman Napih (1987:64), apabila penjajahan Barat bermula, lahir tradisi drama Melayu moden hasil daripada akulturasi pengaruh drama Barat. Di Malaysia (dahulunya Malaya) muncul drama bangsawan yang hampir menyerupai tradisi drama di beberapa buah negara di Asia Tenggara dengan nama yang berbeza. Boleh dikatakan negara-negara Asia Tenggara ada memiliki seni drama seperti ini. Contohnya ialah di Indonesia terdapat 'stambol', 'ketoprak', 'ludruk' dan 'lenong', di Thailand dengan 'likay', di Vietnam dengan 'cailong', di Filipina dengan 'zarzuela' dan di Burma dengan 'satpuve'. Seni drama di sesebuah negara seperti yang dinyatakan di atas terus berkembang dengan mengalami perubahan dari semasa ke

semasa. Drama tersebut menjadi identiti dan kebanggaan bagi setiap bangsa di negara yang berkenaan.

Kamaluddin Abd. Rahman (2007:19) bersetuju dengan kenyataan Abdul Rahman Napiah di atas sambil menambah dengan menyatakan bahawa bangsawan atau dikenali juga sebagai teater popular memperlihatkan percampuran atau perkahwinan unsur teater tradisional dengan teater moden, Ini kerana bentuk teater berkenaan turut meresap ke seluruh negara Asia Tenggara, tetapi dengan istilah yang berbeza. Kajian Rahmah Bujang (1975:25-27) mendapati bahawa perkembangan drama bangsawan di Tanah Melayu turut melibatkan penggiat-penggiat bukan Melayu. Antaranya pada tahun 1903, seorang tauke Cina, Kapitan Bachik telah memimpin kumpulan bangsawan yang berpusat di Kuala Lumpur. Menurut Kamaluddin Abd. Rahman (2007:23) keadaan itu membuka lembaran baharu kepada sejarah perkembangan bangsawan kerana seorang berbangsa Cina terlibat sebagai tauke dan menggunakan nama opera. Kumpulan yang menggunakan nama *Yap Chow Tong Opera* ini merupakan kumpulan pertama menggunakan nama opera. Sejak itu muncul berbagai-bagai kumpulan opera yang bergiat cergas mengadakan pertunjukan-pertunjukan di beberapa buah bandar terutama Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan juga Singapura.

Seperti dinyatakan di atas, kedatangan orang-orang Inggeris ke Tanah Melayu telah membawa bersama seni budaya Barat termasuklah drama. Beberapa buah drama karya penulis-penulis Barat terutama William Shakespeare telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Sementara seni drama bangsawan yang masih berkembang, drama

Barat mula mendapat tempat di hati penonton di Tanah Melayu. Menurut Abdul Rahman Napiah (1987:60) antara tahun 1924–1936 beberapa buah drama saduran telah dipentaskan. Antaranya ialah “*The Black Mask*” yang diterjemahkan menjadi “Topeng Hitam”, begitu juga beberapa drama karya Shakespeare seperti “*Macbeth*”, “*Julius Ceaser*” dan “*Faust*” karya Johann Wolfgang von Goethe. Kebanyakan kerja-kerja penterjemahan dilakukan oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za’aba) di Pejabat Karang Mengarang, Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim, Perak. Di samping itu tidak kurang juga karya-karya penulis tempatan dihasilkan. Sementara itu drama bangsawan terus berkembang dengan rancak apabila banyak kumpulan bangsawan dari luar negara terutama dari Indonesia dibawa masuk. Bangsawan pada masa kegemilangannya telah berkembang dengan pesat ke seluruh tanah air, dan kesenian ini dengan sendirinya telah mengangkatkan tahapnya ke persada kebangsaan.

Mana Sikana, (1996:5) selanjutnya menjelaskan bahawa kehadiran rombongan dari Indonesia itu sebenarnya telah mengemukakan bentuk baharu dari segi persembahan bangsawan. Rombongan tersebut telah memperlihatkan keseriusan dalam berdrama. Mereka cuba menerapkan unsur-unsur drama moden dan memang itu salah satu tujuan mereka hendak memperkenalkan kepada mata dunia bahawa drama Indonesia sudah moden. Hasil dari peresapan pengaruh-pengaruh luar terhadap drama bangsawan, masyarakat dapat menemui tiga bentuk drama Melayu di Malaysia. Pertama ialah drama sejarah yang diperkenalkan oleh Barat seperti karya-karya Shakespeare yang menumbuhkan drama sejarah. Kedua, ada juga di antara karya-karya yang dibawa masuk dari Barat itu berbentuk purba yang hampir kepada drama

sejarah yang dikenali sebagai purbawara. Dan ketiga, hasil pementasan kumpulan Dardanella dan Bolero dari Indonesia yang mengandungi unsur-unsur realisme yang dikenali sebagai sandiwara.

Seterusnya Mana Sikana (1996:6) menyatakan bahawa kumpulan bangsawan menjadi organisasi komersial kerana kru kumpulan tersebut khasnya pelakon menerima gaji, sementara penonton dikenakan bayaran. Dengan itu wujudlah persaingan antara kumpulan bangsawan yang terdapat di merata-rata tempat di Malaysia mahupun di Indonesia. Pada tempoh zaman tersebut bangsawan merupakan satu-satunya bentuk hiburan yang sangat ditunggu-tunggu oleh penonton. Menurut Fazilah Husin (2010:13), dari segi persembahan, kebanyakan cerita yang dipersembahkan adalah berkisar dengan kehidupan istana. Ketika itu masyarakat masih lagi ghairah dengan persembahan bangsawan, drama sandiwara telah mula meresap perlahan-lahan dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu seawal tahun 1924. Tempoh ini adalah zaman peralihan dari zaman Drama Bangsawan ke zaman Drama Sandiwara yang boleh dianggap bermulanya zaman drama moden.

Rahmah Bujang (1975:40) membuat rumusan bahawa ada lima tahap sejarah pertumbuhan bangsawan. Pertama, tahap pengenalan drama dari India ke alam Melayu (1870-1884). Kedua, zaman permulaan pertapakan tumbuhnya bangsawan (1885-1902). Tahap ketiga ialah zaman kecemerlangan yang juga zaman perubahan dengan kemasukan pengaruh Barat seperti drama Shakespeare serta perkataan opera diperkenalkan (1902-1935). Tahap keempat ialah zaman kemerosotan terutama

disebabkan zaman pemerintahan Jepun (1935-1945). Tahap kelima pula ialah zaman kemalapan dan akhirnya mengalami musim kekeringan (Tahun-tahun selepas 1945).

1.2.2 Kemunculan Drama Moden

Abdul Rahman Napiah (1987:69) menyatakan bahawa antara tahun 1936 – 1945 adalah zaman kemerosotan drama bangsawan. Persembahan bangsawan sudah tidak mampu memenuhi selera masyarakat. Keadaan ini berlaku disebabkan faktor sosial, agama dan ekonomi. Di samping itu kemunculan industri perfileman yang bertapak di Singapura telah dapat mengalih perhatian masyarakat untuk menonton. Syarikat perfileman telah ditubuhkan dan membuka studio untuk mengeluarkan filem-filem dalam bahasa Melayu. Menurut Amir Muhammad (2010:14-15), tiga buah studio filem yang terkenal iaitu *Shaw Brothers' Malay Film Production* (menerbitkan 162 buah filem Melayu), *Cathay-Kris Film Production* (menerbitkan 121 buah filem Melayu) dan *Merdeka Film Production* (menerbitkan 90 buah filem Melayu). Dua buah syarikat yang awal adalah ditubuhkan di Singapura sekitar tahun 1930-an, sementara kemudiannya pada tahun 1960-an studio *Merdeka Film Productions* dibuka di Kuala Lumpur.

Menurut M. Amin dan Wahba (1998:5), pada peringkat awal, filem-filem Melayu yang diterbitkan masih belum dapat melarikan diri daripada unsur-unsur ciri bangsawan. Hal ini tidaklah menghairankan kerana sebahagian besar pelakon filem itu asalnya ialah dari dunia bangsawan. Sementara itu dunia pementasan masih wujud

dan mendapat perhatian, namun bentuknya berbeza. Hal ini dijelaskan oleh Mana Sikana, (1989:72) yang menyatakan bahawa telah muncul drama baharu yang berperanan membangkitkan semangat kebangsaan dan perjuangan menentang penjajah. Bentuk drama baharu ini dikenali sebagai 'sandiwara' dengan itu bermulalah era drama moden di Malaysia. Pertumbuhan drama sandiwara ini sesungguhnya berkait rapat dengan perkembangannya di Indonesia yang turut sama berkembang. Hasanuddin WS. (1996:33) menyatakan bahawa pada tahun 1926 di daerah Sidoarjo telah ditubuhkan sebuah perkumpulan yang nama lengkapnya *The Malay Opera Dardanella* oleh seorang berbangsa Rusia kelahiran Pulau Pinang. Orang tersebut bernama Willy Klimanoff yang kemudiannya berganti nama dengan A. Piedro. Penggerak Dardanella ini merupakan anak dari pemain kumpulan drama, yang bernama A. Kalimanoff. Pertunjukan Dardanella terus mendapat sambutan dan mengadakan persembahan di merata-rata tempat. Ada antara kumpulan tersebut sampai ke Tanah Melayu.

Said Halim Said Nong (1988:66) dalam kajiannya telah mendapati bahawa beberapa orang peminat teater Melayu telah berusaha untuk menghidupkan tradisi drama Melayu dengan harapan agar kehilangan bangsawan dapat digantikan sesuatu yang baharu. Kegiatan mereka adalah kegiatan amatur yang tidak mementingkan keuntungan dan bergerak secara sukarela. Dengan itu muncullah kumpulan drama moden yang berbeza dengan drama bangsawan.

Selanjutnya Abdul Rahman Napiah (1987:70) menjelaskan bahawa rombongan-rombongan sandiwara dari Indonesia sangat memberi kesan kepada

pertumbuhan sandiwara di Malaysia terutama dalam aspek pementasan. Dengan adanya rombongan terutama kumpulan yang terkenal iaitu Dardanella seperti yang disebutkan di atas dengan primadonanya Miss Ribut yang sering mengadakan pementasan terutama di Johor telah menarik minat Shahrom Hussein yang kemudiannya muncul sebagai penulis drama khususnya drama sejarah. Seterusnya muncul penulis-penulis drama lain seperti Syed Alwi Alhady dan Kalam Hamidy.

Ahmad Kamal Abdullah (1993:193) menerangkan bahawa sewaktu menuntut di MPSI, Shahrom Hussein turut meminati drama Shakespeare dan Bernard Shaw. Beliau telah menghasilkan drama “Lawyer Dahlan” yang merupakan drama bertulis yang pertama iaitu menggunakan skrip. Walau bagaimanapun skrip yang dihasilkan itu tidak diterbitkan. Menurut Mana Sikana (2014a:17) sehingga kini drama “Megat Terawis” karya The Fatimah (1950) telah dianggap sebagai naskhah drama Melayu yang pertama diterbitkan. Sebelum itu Shahrom Hussein telah menghasilkan drama “Anak Setia” (1930) dan “Nasib Sang Buta” (1932) dan “Keris Laksamana Bentan” (1940). Menurut Abdul Rahman Napiah (1987:76), semasa pendudukan Jepun, Shahrom Hussein sering mengadakan pementasan drama terutama di Johor. Antaranya ialah “Lawyer Dahlan”, “Si Bongkok Tanjung Puteri”, “Keris Laksamana Bentan”, “Tonggak Kerajaan Melayu Johor” dan lain-lain lagi.

Selanjutnya Mana Sikana (1989:100) menyatakan bahawa sekitar tahun 1960-an muncul drama yang beraliran realisme yang menggambarkan hakikat kehidupan semasa. Tema poplarnya ialah pertentangan sikap, nilai hidup masyarakat bandar luar bandar, masalah rasuah dan sebagainya. Antara penulis golongan ini ialah Kala